

## Pelajar harus miliki ilmu kepenggunaan

2020-03-07T00:30:01+08:00



**KAMI JUARA:** Pasukan SMK Chung Hua, Sibu muncul johan pertandingan Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah Peringkat Zon Tengah Negeri Sarawak, semalam.

**SARIKEI:** Golongan pelajar merupakan kumpulan pengguna generasi baharu yang bakal mempunyai kuasa beli sendiri dan berupaya mempengaruhi permintaan serta penawaran barang dan perkhidmatan suatu hari nanti.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Ne-geri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak Datuk Stanley Tan berkata, pengguna perlu melengkapkan diri dengan ilmu kepenggunaan yang meliputi pelbagai aspek, seperti sosial, ekonomi dan persekitaran semasa.

"Pengguna juga, terutama generasi muda, seharusnya memahami hak mereka dan memainkan peranan serta tanggungjawab masing-masing bagi membanteras penipuan terhadap pengguna dan salah laku peniaga.

"Bagi pihak kementerian, kita sedaya upaya berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif dan pelan tindakan yang bersesuaian untuk membantu mengurangkan kos sara hidup yang dihadapi rakyat.

"Oleh yang demikian, program Cabaran Interaktif Pengguna Kelab Pengguna Sekolah (CIPKPS) Peringkat Zon Tengah Negeri Sarawak yang dilaksanakan oleh pihak kementerian setiap tahun membabitkan pelajar sekolah secara tidak langsung dapat mendidik generasi masa depan menjadi pengguna yang berilmu, bijak dan bertanggungjawab," ujarnya.

Beliau berkata demikian melalui teks ucapan yang dibacakan oleh Ketua Cawa-ngan, KPDNHEP Sarikei Mohammad Zawawi pada majlis perasmian program CIPKPS Peringkat Zon Te-nghal Negeri Sarawak di Ta-man Tasik Sarikei, semalam.

Tahun ini merupakan tahun yang kesepuluh CIPKPS diadakan sejak 2011.

Pada tahun ini, sebanyak 16 sekolah dengan penglibatan 64 pelajar dari Zon Tengah iaitu Bahagian Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Mukah dan Kapit menyertai cabaran.

Menurut Stanley, program itu bukan sahaja memberi kebaikan kepada pelajar, malah sebagai platform penyebaran maklumat dan perkongsian dalam perkara-perkara bersifat kepentingan.

"CIPKPS merupakan satu platform pembelajaran interaktif yang efektif dalam usaha membentuk generasi pengguna muda, khususnya di peringkat sekolah agar menjadi seorang pengguna yang berilmu, bijak dan bertanggungjawab.

"CIPKPS adalah pertandingan berbentuk 'explo-race' dengan pelbagai aktiviti interaktif yang menguji kecekapan, pengetahuan dan amalan kepenggunaan dalam kalangan peserta dengan fokus kepada lima aspek kepenggunaan iaitu pengguna bijak, kewangan berhemat, pemakanan sihat, alam sekitar dan kerjasama berpasukan," ujarnya.

Pada pertandingan itu, pa-sukan dari Sekolah Mene-nghal Kebangsaan (SMK) Chung Hua, Sibu muncul johan, naib johan SMK Simanggang, Sri Aman dan ketiga SMK Sacred Heart, Sibu.

Johan dan naib johan akan mewakili Zon Tengah Sarawak ke pertandingan peringkat negeri yang akan diadakan di Kuching nanti.

